

PENGHARGAAN KENDIRI DALAM KALANGAN REMAJA DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK

Haslina Junid¹

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Emel: junidhaslina@yahoo.com

Mohd Suhadi Mohamed Sidik² & Nor Hernamawarni Abdul Majid³

Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling & Psikologi

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS)

Abstrak

Artikel ini adalah bagi membincangkan masalah remaja yang terlibat dalam kes jenayah juvana iaitu kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 16, Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 dan remaja yang diberi perlindungan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Kertas konsep ini akan menjelaskan secara sepintas lalu berkenaan isu, latar belakang dan permasalahan yang menyebabkan remaja terjebak ke dalam Jenayah Juvana Seksual hamil luar nikah di bawah Seksyen 16 Enakmen 9 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 serta remaja yang ditahan di pusat pemulihan akhlak di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Justeru itu, kajian ini diharapkan menjadi salah satu alternatif bagi meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan remaja tersebut menghadapi hari-hari mendatang apabila dibebaskan kelak supaya dapat bersama-sama kembali dalam keluarga dan masyarakat. Kertas kerja ini akan menerangkan secara konsep berkenaan aplikasi modul Neo CBT dalam kalangan remaja bagi meningkatkan penghargaan sendiri.

Kata Kunci: Remaja, Hamil Luar Nikah, Tahap Penghargaan Kendiri.

Abstract

This article is to discuss the problems associated with teenagers involved in juvenile cases, which are cases under the Section 16, Syaria' Criminal Enactment 1988 and the teenagers who are protected under the Child Act 2001. This concept paper will explain the backgrounds and problems' issue that cause adolescents to get caught up in Juvenile Sexual Crime of extramarital pregnancy under Section 16 of Enactment 9 of the Syariah Criminal Code Enactment 1988 as well as adolescents detained in moral rehabilitation centers under the Children Act 2001. Therefore, it is hoped that the study will become an alternative to increase the teenagers' self-esteem once they reunite with their family members and the society in the future. This study will conceptually explain on the Neo CBT application module among the teenagers to increase their self-esteem.

Keyword: Teenagers, pregnant out of wedlock, self-esteem stage.

PENGENALAN

Jenayah Juvana merujuk kepada perlakuan jenayah yang dikaitkan dengan penglibatan remaja dalam pelbagai masalah sosial. Jenayah jenis ini merupakan sesuatu yang semakin membimbangkan semua pihak. Ia merupakan satu daripada isu sosial yang penting kerana golongan ini mampu melakukan jenayah berat. Walau bagaimanapun mereka masih belum boleh

dipertanggungjawabkan sepenuhnya disebabkan oleh faktor usia, sepertimana di bawah Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) ditafsirkan sebagai seseorang di bawah umur 18 tahun. Sehubungan itu, Akta Kanak-Kanak terpakai kepada semua kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun selaras dengan Seksyen 2 Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21) yang menetapkan umur dewasa sebagai lapan belas tahun. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) telah memansuhkan Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90) keseluruhannya.

Undang-undang keluarga Islam mentafsirkan anak tak sah taraf sebagai “tidak sah taraf, berhubungan dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak daripada persetubuhan syubhah.” Dalam konteks anak tak sah taraf, persetubuhan syubhah mempunyai kaitan secara langsung dan ditafsirkan “Persetubuhan syubhah bermaksud persetubuhan yang dilakukan atas anggapan sah akad nikah akan tetapi sebenarnya akad itu tidak sah (fasid) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap dan termasuk mana-mana persetubuhan yang tidak dihukum had dalam Islam.” Begitu juga “nasab” mempunyai hubungan yang rapat dengan anak tak sah taraf yang ditafsirkan sebagai “keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah.” Ketiga-tiga istilah tersebut saling berkait antara satu sama lain dalam memberi tafsiran yang jelas tentang pensabitan nasab anak tak sah taraf.

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) menjelaskan kanak-kanak yang menjadi mangsa akan diletakkan dibawah jagaan Pelindung seperti mana yang dinyatakan di bawah Seksyen 2 Akta 611. Seksyen 24 Akta tersebut seterusnya memberikan kuasa kepada Pelindung yang dilantik untuk memberikan kebenaran yang sah ke atas rawatan remaja tersebut namun sekiranya rawatan yang serius seperti pembedahan, psikiatri, ibu bapa atau penjaga perlulah dimaklumkan mengenai perkara tersebut dan keizinan bertulis yang sah hendaklah diperolehi sebelum rawatan diberikan kepada mereka. Pegawai Pelindung bertanggungjawab untuk memberi pemeliharaan, kawalan, perlindungan dan pemulihan terhadap kanak-kanak demi untuk kepentingan terbaik kanak-kanak tersebut.

Remaja yang ditahan di pusat-pusat pemulihan akhlak amat memerlukan perhatian dan sokongan daripada keluarga terdekat iaitu ibu bapa serta ahli keluarga yang lain. Pendidikan awal bermula dari rumah kerana perkembangan mental, fizikal dan sosial adalah dibawah kawalan ibu bapa sejak mereka dilahirkan lagi. Menurut Riwayat Bukhari “Setiap anak yang dilahirkan adalah putih bersih, maka terpulanglah kepada kedua ibu bapanya untuk meyahudikannya atau menasranikannya atau mamajusikannya.” Penglibatan ahli keluarga sangat diperlukan bagi menambah keyakinan diri remaja yang terjebak dalam pelbagai gejala sosial untuk berada semula dalam masyarakat. Remaja yang telah terjebak memerlukan sokongan yang sangat kuat daripada ahli keluarganya bagi memulihkan keyakinan diri sendiri untuk berhadapan dengan masyarakat setelah keluar daripada sekolah pemulihan akhlak tersebut. Walau si anak jahat sekalipun, ibu bapa wajib memberi bimbingan dan menjaga kebajikannya. Terdapat ibu bapa yang menghalau anak, tidak mengaku anak atau mencederakannya apabila anak itu melakukan kejahatan. Tindakan ibu bapa ini adalah bercanggah dengan nilai-nilai kekeluargaan. Akibatnya remaja-remaja mudah terpengaruh dengan anasir-anasir tidak sihat ditambah pula dengan pendedahan media sosial tanpa sempadan yang boleh merosakkan remaja-remaja tersebut. Kebanyakan kes salah laku remaja berpunca daripada pengaruh media massa, penggunaan media sosial tanpa batasan yang boleh dicapai melalui aplikasi telefon mudah alih, pergaulan bebas dan peranan ibu bapa yang kurang

memberi perhatian terhadap pendidikan anak-anak, pembinaan akhlak yang mulia serta kurang pendidikan agama yang sempurna menjadi antara penyebab gejala remaja hamil luar nikah. Punca-punca berlakunya jenayah juvana tersebut telah meninggalkan kesan yang negatif kepada ibu bapa, masyarakat dan negara.

Penghargaan sendiri sangat penting dalam perkembangan manusia. Setiap individu perlu mempunyai penghargaan sendiri bagi memotivasikan diri sendiri supaya lebih yakin dan sentiasa positif apabila berhadapan dengan orang lain. Pengalaman-pengalaman yang dilalui akan mematangkan individu sekiranya diambil secara positif. Namun, perkara sebaliknya berlaku sekiranya pengalaman-pengalaman tersebut tidak diambil secara positif bagi memotivasikan diri semula. Berdasarkan pengalaman-pengalaman tersebut manusia memprosesnya sebagai maklumat dan menghasilkan tingkah laku - tingkah laku yang bertindak dalam keadaan saling memperkukuhkan penghargaan sendiri (Norem-Hebeisen, 1981).

Menurut Che Hasniza Che Noh (2011) penghargaan sendiri yang tinggi adalah asas kepada komunikasi positif dalam keluarga dan merupakan komponen penting kepada keseluruhan kualiti hidup. Oleh itu ibu bapa yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi akan memberikan bentuk komunikasi yang positif kepada anak-anak mereka. Kepentingan penghargaan sendiri dalam hubungan interpersonal dinyatakan oleh beberapa penyelidik misalnya menurut Beebe dan Redmond (2002) yang menyatakan bahawa penghargaan sendiri akan mempengaruhi cara individu berhadapan dengan individu yang lain. Menurut Che Hasniza Che Noh (2011) individu yang rendah penghargaan sendiri kurang bersedia untuk berkomunikasi kerana merasakan kurang atau tiada nilai untuk dikongsi dan percaya bahawa dia akan menerima respon negatif terhadap perkara yang diperkatakan.

Seseorang yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi tidak akan bergantung kepada penerimaan orang lain dan mereka tidak peduli apa yang orang lain katakan tetapi mereka yakin dan percaya kepada diri sendiri. Aspek penghargaan sendiri perlu ada dalam diri setiap individu termasuk golongan remaja yang hamil luar nikah. Hal ini kerana banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh remaja hamil luar nikah bagi memulakan kehidupan baru setelah anak yang dikandung lahir ke dunia. Menurut Nor Jana (2019) kes-kes pembuangan bayi, gugurkan kandungan, lari dari rumah merupakan kes-kes yang terjadi dalam kalangan remaja hamil luar nikah yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah.

Menurut Amaluddin dan Zainal (2013), perkhidmatan kaunseling remaja memainkan peranan yang penting dalam membantu remaja menyelesaikan masalah. Terdapat banyak kajian berkaitan peranan perkhidmatan kaunseling dalam membantu remaja yang menghadapi masalah sosial. Bentuk perkhidmatan menolong boleh dilaksanakan berdasarkan kepada beberapa prosedur antaranya memberi nasihat untuk membuat keputusan yang betul, menyelesaikan masalah, bimbingan, pendidikan, pengalaman dan sebagainya.

KAJIAN LITERATUR

Najwa Ahmad Basir (2019) telah membuktikan bahawa remaja hamil luar nikah mempunyai tahap kesunyian, kemurungan, pengherotan kognitif, penghargaan sendiri dan sokongan sosial yang sederhana. Remaja hamil luar nikah sangat memerlukan sokongan dan galakan daripada keluarga

dan juga masyarakat. Kesunyian boleh dielakkan sekiranya masyarakat dan keluarga tidak menyisihkan remaja yang hamil luar nikah sebaliknya membantu mereka kembali kepada kehidupan yang sebenar. Najwa binti Ahmad Basir (2019) juga mendapati bahawa terdapat perhubungan yang signifikan di antara sokongan sosial dan kesunyian dalam kalangan remaja hamil luar nikah.

Kajian yang telah dijalankan oleh Siti Hajar Abu Bakar (2019) membuktikan bahawa remaja yang hamil luar nikah kurang mempunyai penghargaan sendiri kerana tindakan yang diambil oleh mereka yang terlibat dalam kegiatan seks luar nikah sehingga hamil anak luar nikah. Antara tindakan yang diambil oleh remaja hamil luar nikah adalah membuang bayi yang dilahirkan dengan memasukkan bayi tersebut ke dalam beg serta meletakkan bayi tersebut di hadapan kedai berhampiran dengan kediaman, membuang bayi yang tidak berdosa ke tempat pembuangan sampah ataupun membunuh bayi luar nikah tersebut dengan pelbagai cara.

Menurut Siti Hajar Abu Bakar (2019), kes remaja yang dimasukkan ke institusi perlindungan dan pemulihan awam Taman Seri Puteri (TSP) atas kesalahan hamil luar nikah di sepanjang tahun 2014 hingga 2016 adalah tinggi. Perangkaan pada tahun 2016 menunjukkan seramai 132 orang remaja hamil luar nikah telah didaftar masuk ke institusi berkenaan, berbanding 158 orang pada tahun 2015 dan 125 orang pada tahun 2014. Hampir setiap hari isu ini tular di media sosial mahupun di dada akhbar tempatan. Masalah hamil luar nikah yang tidak dicegah dengan berkesan boleh membawa kepada masalah-masalah sosial yang lain seperti pembuangan bayi, lari dari rumah, membunuh bayi serta membunuh diri sendiri. Kajian-kajian bagi melihat hubungan pemboleh ubah penghargaan sendiri dengan konstruk psikologi yang lain banyak dijalankan di Malaysia namun, kajian yang memberi tumpuan kepada intervensi untuk meningkatkan penghargaan sendiri secara khusus kepada remaja hamil luar nikah adalah amat sedikit.

Statistik oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dari tahun 2012 hingga 2016 sebanyak 79,302 kes remaja bawah 18 tahun hamil luar nikah telah dilaporkan. Menurut Rohany Nasir (2015) kesan psikologi terhadap remaja yang hamil luar nikah adalah jelas. Remaja yang hamil luar nikah berisiko tinggi menghadapi masalah mental seperti kemurungan, tekanan dan hilang keyakinan diri untuk menjadi ibu. Kurangnya sokongan sosial daripada keluarga dan masyarakat boleh membawa remaja hamil luar nikah ini kepada kemurungan, kesunyian, membuat keputusan yang tidak tepat dan masalah penyalahgunaan dadah (Rohany Nasir, 2015). Menurut Rohany Nasir (2015) lagi, pelbagai kesan negatif yang dihadapi remaja hamil luar nikah ini perlu diberi perhatian khususnya dengan melihat sejauh mana tahap-tahap kesan yang mereka hadapi seperti kemurungan, gangguan kognitif, penghargaan sendiri, sokongan sosial dan kesunyian yang mana faktor-faktor ini dipercayai boleh membawa kepada perkara yang lebih buruk lagi seperti pembuangan bayi, pengguguran dan potensi untuk membunuh diri.

Kajian Siti Hajar Abu Bakar (2019) juga telah membuktikan bahawa terapi tingkah laku yang telah dijalankan terhadap remaja hamil luar nikah mampu membantu remaja terbabit menyediakan input penting bagi penyediaan program terapi yang sesuai dengan keperluan remaja yang terlibat dengan salah laku seks ini. Terapi tingkah laku kognitif merupakan salah satu pendekatan penting di dalam program rawatan dan pemulihan untuk pesalah seksual (Siti Hajar Abu Bakar, 2019). Terapi tingkah laku kognitif adalah sebuah program rawatan bagi mengubah pemikiran pesalah

dan latihan penstrukturan semula pemikiran mereka. Terapi tingkah laku yang dilaksanakan oleh Siti Hajar Abu Bakar (2019) juga mengajar pesalah cara untuk menyesuaikan diri dengan situasi atau rangsangan yang boleh menghalang mereka daripada melakukan jenayah. Pelaksanaan program rawatan Terapi tingkah laku kognitif amat popular dan telah menjadi salah satu komponen atau teknik utama dalam program rawatan pemulihan terapeutik untuk merawat tingkah laku pesalah muda, khususnya pesalah seksual remaja (Losel & Schmucker, 2005).

Kajian yang dilakukan oleh Salina Nen (2020) mendapati hamil luar nikah yang tidak dirancang boleh mencetuskan tekanan dalam hidup remaja dari pelbagai aspek iaitu aspek peribadi, keluarga, sosial dan ekonomi. Kehamilan pada usia muda dan tidak dirancang, perlu menerima hakikat kehamilan dan peranan baru sebagai ibu muda dalam usia yang masih mentah tanpa sebarang persediaan menyebabkan emosi mereka terganggu. Kehamilan tidak dirancang meninggikan risiko kesejahteraan kesihatan kepada remaja dan ibu. Menurut Salina Nen (2020) lagi, tekanan psikologi yang dialami oleh remaja hamil luar nikah adalah tinggi. Mereka mengalami tekanan kerana tidak bersedia dengan kehamilan, bimbang tentang penerimaan keluarga, kewangan yang tidak stabil dan kurang sokongan daripada ahli keluarga. Tidak menghairankan ada dalam kalangan remaja yang hamil luar nikah pernah berniat untuk membunuh diri malah melakukan pengguguran. Kajian oleh Nabilah Norzli (2019) menunjukkan bahawa remaja yang terpengaruh dengan masalah sosial dan tidak berdisiplin mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Ini kerana remaja yang terlibat dalam masalah sosial tidak mempunyai perhubungan sosial yang kuat dan sering rasa terpencil dan rendah diri.

Kajian yang dilakukan oleh Jamaluddin et al (2015) membuktikan bahawa remaja hamil luar nikah mengalami tahap penghargaan sendiri yang rendah. Kajian ini disokong oleh Mariam Abd Majid (2020) yang membuktikan bahawa remaja hamil luar nikah sering menyisihkan diri dari masyarakat, keluarga serta mengalami kemurungan. Golongan ini mengalami perasaan kurang menghargai diri mereka sendiri dan takut untuk memberitahu atau meminta pertolongan daripada kawan, keluarga atau sesiapaapun tentang kehamilan luar nikah tersebut dan mengambil pendekatan memencilkan diri serta cuba mengelakkan diri daripada perjumpaan sosial yang seterusnya membawa kepada kemurungan.

Nor Jana Saim (2013) memberi fokus terhadap kes kehamilan luar nikah dari aspek sokongan sosial terhadap 17 orang remaja berusia 12 hingga 18 tahun di pusat perlindungan wanita sekitar Kuala Lumpur dan Selangor mendapati golongan remaja hamil luar nikah ini mengalami keadaan penolakan daripada keluarga lantaran rasa malu dan bimbang. Lebih membimbangkan lagi apabila golongan ini tidak mendapat sokongan daripada keluarga dan masyarakat. Keadaan ini menjadikan remaja hamil luar nikah berisiko tinggi mengalami penyakit kemurungan, membuat keputusan yang tidak tepat dan terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah.

Terdapat banyak implikasi yang perlu ditanggung oleh remaja hamil luar nikah. Kajian-kajian lepas mendapati kebanyakan teman lelaki menolak untuk bertanggungjawab dan remaja hamil luar nikah juga disisih serta dibuang keluarga kerana mereka dianggap sebagai memalukan keluarga. Kurangnya sokongan dan penerimaan, mendesak remaja hamil luar nikah mengambil tindakan nekad dan drastik seperti membunuh diri, membuang bayi, melakukan pengguguran haram dan sebagainya. Hanya segelintir sahaja keluarga yang sanggup mengambil keputusan

untuk memelihara anak yang dikandung oleh remaja hamil luar nikah tersebut. Perapatan remaja yang hamil luar nikah terhadap kandungannya akan lebih tinggi apabila mendapat sokongan sosial daripada keluarga (Salina Nen, 2020).

Menurut Salina Nen (2020) lagi, sokongan sosial amat diperlukan remaja hamil luar nikah agar hidup mereka tidak terumbang ambing dalam menentukan hala tuju mereka. Remaja hamil luar nikah kurang jelas tentang hala tuju mereka dan masa depan bayi mnereka. Walaupun ada keinginan untuk membesarkan sendiri anak yang dikandung, remaja hamil luar nikah masih tidak jelas dengan hala tuju mereka selepas bersalin.

Kajian-kajian empirikal yang telah membuktikan remaja hamil luar nikah mempunyai penghargaan sendiri yang rendah adalah seperti kajian yang dilakukan oleh Pete (1989), Paik (1992), Drummond & Hansford (1990) dan Pete-McGadney (1995). Kajian-kajian tersebut membuktikan bahawa remaja hamil luar nikah memerlukan bantuan berbentuk intervensi bagi meningkatkan penghargaan sendiri. Bagi mengatasi masalah ini, pelbagai strategi perlu dilakukan secara sistematik. Di Malaysia, kehamilan luar nikah adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam dan budaya negara ini. Kehamilan luar nikah boleh merosakkan agama, bangsa dan negara. Oleh itu, sebagai satu alternatif dalam menangani masalah hamil luar nikah adalah melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Tambahan pula, apabila remaja tersebut berada dalam perlakuan bermasalah, berkemungkinan mereka terperangkap ke dalam kesudahan yang lebih buruk iaitu perlakuan yang lebih bermasalah (Fauziah Mohd Sa'ad, 2015).

Perubahan daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa merupakan masa yang mengelirukan remaja kerana golongan remaja akan melalui peringkat perubahan diri yang kritikal dari segi mental dan fizikal. Pelbagai perkara ganjil menghujani mental dan fizikal mereka dan golongan remaja yang menghadapi tekanan akan melakukan tindakan-tindakan di luar kawalan. Kajian oleh Azizi dan Rosnah (2007), mendapati bahawa perkara ini berlaku disebabkan remaja yang terlibat ingin meluahkan perasaan tidak puas hati, memberontak, ingin membalas dendam dan sebagainya.

Pelbagai pendekatan kaunseling telah dilaksanakan bagi membantu mereka meningkatkan penghargaan sendiri seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok, dan kaunseling keluarga. Sesi kaunseling individu memfokuskan kepada keunikan personaliti remaja hamil luar nikah itu sendiri, proses perkembangan dan halangan dalam perkembangan. Kaunseling individu juga menggunakan pendekatan dan strategi yang teraputik serta boleh diformulasikan dengan memberi penekanan khusus kepada keperluan remaja hamil luar nikah, manakala dalam kaunseling keluarga pula, isu hubungan interpersonal dalam keluarga diberi penekanan kerana hubungan kekeluargaan amat penting bagi membina keluarga yang harmoni. Bagi sesetengah kes, kaunseling individu dengan individu yang terlibat sahaja tidak mencukupi dan perlu melibatkan keluarga kerana masalah yang dihadapi mereka melibatkan interaksi yang kompleks sesama ahli keluarga (Amaludin Ab Rahman & Zainal Madon, 2013).

Modul Penghargaan Kendiri berdasarkan Neo CBT dipilih pengkaji kerana Neo CBT merupakan asas kepada CBT yang mempunyai banyak kajian empirikal di barat bagi menangani berbagai masalah stress dan kesihatan mental, yang mana secara tidak langsung dapat

meningkatkan penghargaan sendiri. Modul Penghargaan Kendiri berdasarkan Neo CBT juga dipilih oleh pengkaji kerana Neo CBT telah digubal semula oleh Mohd Aziz Shah (2010) yang mempunyai susunan yang lebih mudah dan sistematik seperti pembahagian topik-topik, pembahagian sesi, distorsi dan teknik serta tugasan. Neo CBT juga dipilih kerana kajian empirikal yang luas dan baharu serta mempunyai susunan yang lebih mudah, cepat dan pantas untuk diamalkan oleh seluruh masyarakat Malaysia. Selain itu, modul penghargaan kendiri berdasarkan Neo CBT dipilih kerana modul ini merupakan satu pendekatan yang baharu yang belum pernah dikaji dan semoga dengan penerokaan yang akan dilaksanakan nanti bakal memberi manfaat kepada golongan sasaran dan juga masyarakat umum.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kenapa kajian ini penting dan adakah penghargaan kendiri perlu dikaji dan masihkah relevan pada masa kini? Secara amnya, proses mengenal pasti masalah untuk dikaji dalam bidang kaunseling merupakan suatu keperluan memandangkan terdapat pelbagai masalah dalam bidang kaunseling yang memerlukan penyelesaian. Dalam perspektif kaunseling, setiap isu yang berlaku berpotensi untuk dijadikan masalah untuk menjalankan kajian. Apa yang harus dilakukan hanyalah anjakan pemikiran, dimana kita perlu berfikir secara serius untuk mendalami isu-isu tersebut.

Remaja-remaja yang ditahan di pusat pemulihan akhlak perlu dibimbing supaya mereka mempunyai jati diri yang tinggi dan hala tuju yang lebih baik daripada sebelumnya. Dapatan kajian Keberkesanan Program-Program Pemulihan Tingkah Laku di Taman Seri Putri (TSP) Batu Gajah dan Kompleks Dar-Assa'adah yang dilaksanakan oleh Prof Madya Dr Azizi Yahaya, Jesmin Abd Wahab (2017) menunjukkan kemudahan dan kelengkapan yang sedia ada, program vokasional, program ko-kurikulum, program keagamaan dan program bimbingan dan kaunseling perlu ditingkatkan. Penyelidik berpendapat keperluan kepada program-program pemulihan tingkah laku yang berkualiti sangat diperlukan dalam dunia tanpa sempadan hari ini.

Pelaksanaan Terapi Tingkah Laku Kognitif Dalam Program Pemulihan Terapeutik Berasas Institusi Untuk Remaja Hamil Luar Nikah (Siti Hajar Abu Bakar, Haris Abdul Wahab & Siti Balqis Mohd Azam) keputusan menyatakan "Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu mempertimbangkan keperluan untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang kaunselor yang boleh melaksanakan prosedur dan aktiviti CBT berkesan, atau seorang pakar terapi CBT di setiap sekolah pemulihan. Tindakan ini penting bagi bertindak balas dengan dapatan kajian ini yang mendapati ketiadaan khidmat pakar terapi khusus untuk mengendalikan program pemulihan kognitif untuk pelatih di situ.

Kajian ini diharapkan dapat memberi input atau pengetahuan baru kepada pihak pentadbiran / pengurusan pusat-pusat pemulihan akhlak di Malaysia tentang penggunaan teknik dalam menangani remaja-remaja di sekolah-sekolah pemulihan akhlak. Selain itu, kajian ini penting bagi mengaplikasikan pendekatan Neo CBT dan teori kesyukuran kepada para remaja di pusat-pusat pemulihan akhlak kerana Neo CBT merupakan pendekatan yang mudah untuk dipelajari dan mudah difahami serta senang dipraktikkan oleh individu. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi kajian contoh bagi modul yang menggunakan pendekatan Neo CBT.

RUMUSAN

Remaja yang terlibat dalam jenayah seks bebas sehingga terlanjur dan melahirkan anak luar nikah atau anak tidak sah taraf amat membimbangkan semua pihak. Banyak usaha dan dasar telah dilaksanakan Kerajaan ataupun pihak swasta. Usaha yang dilaksanakan adalah untuk memperkasakan kehidupan remaja untuk menjadi individu terbilang. Perkhidmatan kaunseling merupakan salah satu daripada pelbagai usaha tersebut bagi memulihkan dan memberi kesedaran agar remaja dapat menjalani kehidupan dan membina kesejahteraan hidup demi masa depan yang lebih cemerlang.

Konsep sendiri adalah dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Konsep sendiri bergantung kepada interaksi sosial seseorang yang mempengaruhi persekitaran. Semakin banyak pergaulan seseorang itu, semakin banyak dan bertambah pengalamannya. Rogers (1951) telah menyatakan bahawa manusia itu memang mempunyai potensi untuk menuju ke arah kesempurnaan sendiri dengan syarat seseorang itu harus mempunyai semangat jati diri dalam dirinya. Secara umumnya, bolehlah dirumuskan bahawa kaunseling membantu seseorang individu / klien untuk memahami dirinya sendiri dan juga situasinya, mengenalpasti keperluannya, menerima realiti hidupnya, membuat rancangan yang realistik untuk mengendalikan hidupnya, bertanggungjawab ke atas dirinya sendiri dan seterusnya membantu untuk menjadi seorang individu yang bertanggungjawab dan berfungsi dengan sepenuhnya.

RUJUKAN

- Abdul Halim (2000). Persepsi Pelatih-Pelatih Lelaki di Sekolah Tunas Bakti Sg Bes Terhadap Program Latihan Kemahiran Vokasional. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.
- Abdul Halim Othman (2009). Kaunseling Untuk Kesejahteraan – Satu Kajian Kes Di Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Rahim Abd Rashid (2006). Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Remaja Dalam Keluarga. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga.
- Maslow., A (2019). A Theory of Human Motivation. ISBN:9789388760317
- Akta Kanak-Kanak (2001). Kesannya Terhadap Undang-Undang Keluarga. Journal of Malaysian and Comparative Law.
- Arieff Salleh Rosman d& Wardah Mokhtar (2006). Membentuk Jati Diri Remaja. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Azizi & Jesmin (2008). Keberkesanan Program-Program Pemulihan Tingkah Laku di Taman Seri Putri Batu Gajah dan Kompleks Dar Assa'adah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Hj Yahya (2011). Definisi Remaja dan Pembentukan Konsep Kendiri Dalam Hubungannya Dengan Keluarga, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Azlina Mohd Khir (2020). Sokongan Sosial, Penghargaan Kendiri dan Kemurungan Dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti.
- Barnes. H.L & Olson, D.H. (1985). Parent-Adolescent Communication and the Circumplex Model. Child Development.
- Cheah Wei Hua dan Ruslin bin Amir (2020). Penghargaan Kendiri dan Motivasi Pencapaian Terhadap Pencapaian Bahasa Inggeris Murid. International Journal of Education and Pedagogy e-ISSN: 2682-8464/Vol. 2, No 1, 216-234, 2020.

- Che Haslina Abdullah (2014). Intervensi Modul Bimbingan Islam Terhadap Masalah Kecelaruhan Kebimbangan Umum Dalam Kalangan Pelajar Universiti: Satu Kajian Kes.
- Che Hasniza Che Noh (2011). Hubungan Empati dan Penghargaan Kendiri Ibu bapa Dengan Gaya Keibubapaan.
- Cohen, A.K. (1975) *Delinquent Boys*. New York. The ree Press
- Coopersmith, S.C. (1976). *The antecedents of self – esteem*. San Francisco: Freeman & Company.
- Cresswell, W. John (2008). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method*.
- David A Clark (2014). *Cognitive Restructuring*. University of New Brunswick, Canada.
- Fauziah Mohd Saad (2015). *Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan dan Pendekatan Psikologi Kognitif Ad Din Ke Atas Konsep Kendiri Remaja Hamil Luar Nikah*.
- Fitri Ardianti (2016). Psychological Well-Being Pada Remaja Akhir Yang Hamil Luar Nikah.
- Gautami Polepally Ashok (2017). *Childhood Trauma, BDSM and Self-Esteem: An Exploration of the Impact of Childhood Trauma on Sexual Behavior and the Effects to Self-Esteem*.
- Haslina Hassan (2000). Gejala Gengsterisme di Kalangan Pelajar. Fenomena Yang Semakin Meresahkan. Dewan Masyarakat (Jun).
- Huzili Hussin (2013). Kesan Intervensi Terapi Kelompok Tingkah Laku Kognitif Terhadap Estim Kendiri dan Lokus Kawalan Dalam Kalangan Penagih Dadah.
- Jamaluddin, Zakiyah, Abd Manaf, Abd Razak, Sayuti & Rusminah. (2015). Sokongan Sosial Dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. *USM International Conference On Social Sciences 2015. 27-28 Ogos*. Rainbow Paradise Beach Resort Penang.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, & Noorhasliza Mohd Nordin (2012). Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Khairul Hamimah Mohd Jodi dan Nurul Husna Mansor. (2019). Kesediaan Remaj Hamil Luar Nikah Terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita. *Islamiyat* 41(1) 2019:59-68 (<https://doi.org/10.17576/islamiyat-2019-4001-06>).
- Luisana Barraza (2011). *Teen Pregnancy: A Content Analysis of Existing Literature*
- Mannes, M, Roehlkepartain, E.C and Benson, P.L (2005). *Unleashing The Power of Community to Strengthen The Well-Being of Children, Youth and Families: An Asset-Building Approach*. Child Welfare League of America.
- Mariam Abd Majid (2020). Implikasi Dialami Remaja Hamil Luar Nikah: Kajian di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor
- Mohd Fairus Jafar & Shahizan Hazan (2016). Kajian Penghargaan Kendiri dan Kepuasan Hidup Pelajar. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM.
- Nor Jumawaton Shahrudin (2019). Peranan Keyakinan Diri dan Lokus Kawalan Diri Dalam Hubungan Antara Tekanan Rakan Sebaya dan Sikap Terhadap Tingkah Laku Seksual Dalam Kalangan Remaja Hamil Luar Nikah di Semenanjung Malaysia.
- Norruzeyati Che Mohd Nasir & Norzalinda Mohd Ali Hanafiah. (2015). Faktor Internal Individu dan Delikueni: Kajian ke atas Remaja Perempuan di Asrama Akhlak Perempuan, Jitra. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 18 (Jun) 2015: 185-202.
- Norsiah Berdi (2013). Remaja Bawah Umur Hamil Luar Nikah: Isu & Etika Profesionalisme Kaunselor Sekolah.

- Nuarrual Hilal Md Dahlan. (2017). Mengandung Anak Tak Sah Tarraf: Kajian Kes di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *UUMJL S 8*, 17-55 (2017).
- Nurul Husna binti Mansor. (2016). Modul Keagamaan Untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Pelaksanaan dan Masalah.
- Rohany Nasir. (2015). Tahap Pengherotan Kognitif, Kesunyian, Kemurungan Penghargaan Kendiri dan Sokongan Sosial Dalam Kalangan Wanita Hamil Luar Nikah.
- Reffina Siong. (2020). Isu Kehamilan Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja di Malaysia: Satu Tinjauan Sorotan Literatur.
- Siti Aishah Yahya & Fariza Md Sham. (2019). Bentuk-Bentuk Emosi Remaja Hamil Luar Nikah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hajar Abu Bakar. (2019). Pelaksanaan Terapi Tingkah Laku Kognitif Dalam Program Pemulihan Berasas Institusi Untuk Remaja Hamil Luar Nikah.
- Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah binti Zulkifli. (2017). Pengalaman Remaja di Rumah Perlindungan dan Perubahan Dalam Makna Hidup. Special Issue 3 (2017): 005 ISSN: 1823 – 884 *Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, Volume 1 Mac 2011, Pages 115-14- /ISSN:2231-735